

Memorandum

No. Ruj. : USM.38/6 Jld.VIII

Tarikh : 8 November 2023

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 64 TAHUN 2023

- **CUTI TANPA REKOD SEMPENA PERAYAAN HARI DEEPAVALI BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG MENGANUT AGAMA HINDU – TAMBAHAN SATU (1) HARI PADA 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kerajaan melalui surat edaran Rujukan : JPA.(S)800-1/1/7 JLD.4(15) bertarikh 6 November 2023 – Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Deepavali Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Menganut Agama Hindu, telah bersetuju untuk memberi pengecualian bagi tahun 2023 di mana Cuti Tanpa Rekod Sempena Perayaan Hari Deepavali yang jatuh pada 13 November 2023 (Isnin) akan dibawa pada 14 November 2023 (Selasa) bagi negeri-negeri yang Hari Kelepasan Mingguannya adalah hari Ahad.

3. Sehubungan itu, selaras dengan ketetapan pihak Kerajaan ini, pihak Universiti telah bersetuju meluluskan pemakaian surat edaran tersebut untuk dilaksanakan di USM. Ini bermakna **staf Universiti ini yang beragama Hindu adalah diluluskan Cuti Tanpa Rekod selama satu (1) hari pada 14 November 2023 (Selasa).**

4. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

MAMS/MFAA/nss...Hebahan CTR Deepavali